

# GUNA WANG PTPTN BANTU KELUARGA

➔ Mahasiswa bijak urus kewangan, dahulukan keperluan terbukti mampu bertahan

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

“**S**aya sebagai anak sulung daripada tujuh beradik berasa bertanggungjawab membantu keluarga di kampung. Saya bukan berasal daripada keluarga senang. Ayah sudah meninggal dunia, manakala ibu pula tidak bekerja.

“Setiap kali sesi persekolahan bermula, saya menggunakan wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diperoleh untuk membeli kelengkapan diperlukan enam adik. Wang selebihnya barulah saya gunakan untuk menampung perbelanjaan di universiti.”

Demikian pengalaman dikongsikan graduan Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Nashrol Wahab, 25, yang cekal memanfaatkan pembiayaan diterima dengan penuh hemat sepanjang tempoh mengikuti pengajian sebelum ini.

Ketika dihubungi *BH Varsity* di sini, baru-baru ini, Mohamad Nashrol berkata, usaha itu mampu dilaksanakan jika mahasiswa bijak menguruskan kewangan dengan mendahulukan keperluan daripada kemahuan. **V2**

## ‘Usah ghairah berbelanja sesuka hati’

← Dari Vi

Beliau tidak menafikan adakala timbul keinginan untuk berbelanja seperti rakan lain di kampus, namun kehendak itu dikorban demi memastikan wang berbaki digunakan sebaik mungkin.

“Walaupun menggunakan wang PTPTN untuk membantu keluarga di kampung, saya tidaklah sehingga kelaparan seperti isu pernah dilaporkan akhbar mengenai ada pelajar pengsan gara-gara tidak cukup duit untuk makan.

“Saya bersyukur kerana masih cukup makan dan minum setiap hari, di

samping mempunyai rakan serta orang sekeliling yang banyak membantu.

“Pokok pangkalnya terletak pada diri. Jika bijak menguruskan kewangan serta berbelanja mengikut keperluan dan bukan kehendak, saya yakin wang PTPTN mencukupi untuk menampung kos pengajian di universiti,” katanya.

### Pengsan kelaparan

Akhbar sebelum ini melaporkan isu sebilangan mahasiswa terpaksa mengikat perut, malah ada yang pengsan akibat tidak makan, kerana berdepan masalah

kekurangan wang sekalipun mendapat pinjaman PTPTN.

Antara punca keadaan itu ialah segelintir daripadanya menggunakan sebahagian wang pembiayaan pendidikan diperoleh untuk membantu keluarga, namun ada mahasiswa bijak menguruskan kewangan secara hemat sehingga mampu meringankan beban ibu bapa dan menanggung keperluan diri di kampus.

Sementara itu pakar sosiologi yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata

tindakan segelintir mahasiswa menggunakan wang pembiayaan pendidikan untuk membantu keluarga susah, bukan kesalahan ataupun isu besar kerana mereka bebas memutuskan cara membelanjakannya.

### Saluran bantuan

“Semuanya bergantung kepada perancangan pelajar itu sendiri. Ada pelajar bijak menguruskan perbelanjaan sehingga boleh membantu keluarga di kampung. Bagaimanapun, ada juga yang terlalu ghairah berbelanja menyebabkan wang tidak mencukupi.

“Saya menyarankan pelajar supaya jangan mengikut kehendak dalam berbelanja kerana tujuan utama biasiswa atau wang pinjaman pendidikan diberikan adalah untuk menampung kos pengajian dan bukan bermewah. Oleh itu, berbelanja secara berhemat,” katanya.

Beliau berkata, universiti mempunyai beberapa saluran untuk membantu pelajar yang memerlukan tetapi mereka perlu tampil melaporkan masalah dialami supaya pihak pengurusan boleh mengambil langkah sewajarnya.